

18 FEB 1999

Mahathir-Kebencian

TOLAK FALSAFAH KEBENCIAN: MAHATHIR

SANDAKAN, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya menolak "falsafah kebencian" yang disebar oleh pihak-pihak tertentu supaya mereka tidak berterima kasih kepada kerajaan yang telah memberi pelbagai kemudahan dan nikmat.

Katanya, falsafah itu disebar antara lain oleh pensyarah universiti kepada pelajar mereka selain oleh orang berpendidikan agama melalui pelbagai cara termasuk melalui Internet.

"Ada pihak-pihak tertentu yang membawa ajaran bahawa bila kita mendapat sesuatu daripada mana-mana pihak, kita jangan berterima kasih, sebaliknya kita harus gigit tangan yang menyuap kita," katanya ketika berucap merasmikan Stesen Janaelektrik Libaran berharga RM260 juta di sini.

Majlis itu dihadiri oleh 3,000 orang penduduk tempatan. Sebelum itu beliau telah bersama 5,000 orang penduduk daripada pelbagai keturunan menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Yu Yuan di sini.

Dr Mahathir berkata, falsafah itu mengajar bahawa setiap orang yang mendapat nikmat daripada usaha dan bantuan kerajaan harus memaki hamun kerajaan.

"Sesetengah daripada mereka yang membawa falsafah ini terdiri daripada orang yang terlatih dalam bidang agama Islam...kita berasa amat sedih kerana agama Islam menyuruh kita bersyukur dengan apa yang kita dapat kerana akhirnya apa juga yang kita dapat datangnya daripada Allah," katanya.

Perdana Menteri kesal dengan golongan pensyarah terbabit yang sebelum ini mendapat pelbagai kemudahan dan bantuan daripada kerajaan sehingga mereka dapat berada pada kedudukan sekarang.

Mereka mungkin tidak akan dapat ke universiti dan tidak akan dapat menjadi pensyarah jika tidak kerana kerajaan memberi peluang, memberi biasiswa, memberi latihan dan memberi tempat kepada mereka dalam universiti-universiti milik kerajaan, katanya.

"Ajaran yang dibawa oleh pensyarah terbabit adalah bertentangan sama sekali dengan nilai hidup kita, dengan ajaran agama Islam yang kononnya dianuti oleh pensyarah-pensyarah ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, para pensyarah itu sengaja menanam perasaan benci dan marah terhadap kerajaan yang telah banyak membantu para pelajar universiti di negara ini.

Oleh kerana ajaran bertentangan dengan agama Islam yang disampaikan oleh beberapa pensyarah di universiti-universiti berkesan, maka hari ini kita dapati bahawa mereka yang mendapat peluang ke universiti tidak bersyukur dan tidak berterima kasih dengan nasib baik mereka, sebaliknya orang yang tidak dapat ke universiti, mereka lebih menghargai pemberian kerajaan, katanya.

Perdana Menteri memberi amaran keamanan negara yang dinikmati sekarang akan tergugat jika kumpulan pensyarah yang menganuti falsafah kebencian ini bertambah bilangannya.

"Kalau mereka ini bertambah dan mempengaruhi fikiran rakyat di negara kita ini, maka yakinlah negara kini tidak akan aman, negara kita ini tidak akan maju dan kita tidak akan adakan upacara pembukaan seperti yang kita adakan pada hari ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila agama disalahgunakan dan budaya yang baik tidak diendahkan, keadaan negara akan menjadi buruk kerana terdapat orang

yang tidak mahu berterima kasih dengan apa yang mereka dapati daripada orang yang memberi kepada mereka.

Rakyat Malaysia bertuah kerana mereka telah dapat menikmati kemajuan pesat yang tidak terdapat di negara membangun lain.

"Tidak ada rakyat (di negara membangun lain) yang mendapat nikmat daripada kerajaan, dapat hidup sempurna di negara mereka tetapi di Malaysia, dalam kegawatan ekonomi inipun kita dapati rakyat kita hidup sempurna, mendapat cukup makanan, mendapat peluang kerja, tiada kekurangan bekalan perubatan dan susu untuk anak."

"Semua ini adalah hasil usaha kerajaan untuk mempertahankan negara kita dan seharusnya rakyat berterima kasih dengan keadaan ini," katanya.

Dr Mahathir berharap rakyat dapat menangkis semua usaha pihak yang cuba menanam perasaan buruk di hati mereka dan membencikan orang yang memberi pertolongan kepada mereka.

"Ajaran mereka ialah supaya rakyat jangan bersyukur, sebaliknya menidakkan sebarang (bantuan) yang diberi kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, golongan ini berharap untuk memburuk-burukkan orang lain menerusi usaha di luar batasan undang-undang seperti mengadakan tunjuk perasaan, menyebarkan risalah dan menggunakan internet.

"Mereka berharap dengan cara ini, mereka dapat mencetuskan huru-hara dalam negara kita dengan harapan bahawa ini akan menyebabkan kerajaan dijatuhkan dan mereka terselamat daripada tindakan undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berharap rakyat yang hidup dalam negara yang mengutamakan undang-undang tidak terpengaruh dengan dakwah dan hasutan itu, sebaliknya menolak segala dakwaan mereka.

"Saya berasa amat bangga kerana umumnya rakyat di Sandakan tidak terpengaruh dengan falsafah kebencian yang disebar," katanya.

Perdana Menteri gembira dengan projek Stesen Janaelektrik Libaran, yang diusahakan oleh syarikat Stratavest Sdn Bhd, yang menurut beliau salah satu tanda kemajuan yang dicapai di negeri ini.

Projek itu bukan mudah untuk diselenggarakan, tanpa pengetahuan dan pengalaman, syarikat terbabit tidak mungkin dapat menyiapkan projek itu dalam jangkamasa yang lebih pendek daripada yang ditetapkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia ialah mereka yang tahu bersyukur dan berterima kasih dan ia adalah satu sifat yang patut ada pada sama ada daripada orang Islam atau bukan Islam, Melayu, Kadazandusun, Cina, India dan sebagainya.

Dr Mahathir berbangga kerana umumnya usahawan di negara ini yang berjaya tahu berterima kasih kepada kerajaan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok, Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Haji Sukam, Timbalan Ketua Menteri Datuk Tham Nyip Shen dan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

-- BERNAMA

AFY NY PR